- Memproses permohonan tukar guna kegunaan bangunan (change of use)



Antara aktiviti yang telah dijalankan :-

Statistik permohonan Tahun 2010 adalah seperti berikut :-

JUMLAH PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI TUJUAN TUKAR GUNA DAN BURUNG WALIT 2010

JENIS PERMOHONAN	DITERIMA	DIPROSES	SELESAI
Tadika	65	09	56
Taska	18	07	11
Pusat Jagaan	16	01	15
Perniagaan	28	03	25
Burung Walit	39	04	35
Hotel Bajet	5	02	03
JUMLAH	171	26	145

STATISTIK TINDAKAN PENGUATKUASAAN BAGI TAHUN 2010

Pada bulan Januari hingga Disember 2010 tindakan penguatkuasaan telah diambil iaitu 63 kes untuk Daerah Seberang Perai Utara, 107 kes untuk Daerah Seberang Perai Tengah dan 26 kes untuk Daerah Seberang Perai Selatan.

4.3 Bahagian Rancangan Pemajuan


Bahagian Rancangan Pemajuan distrukturkan di bawah Jabatan Perancang Bandar bagi melaksanakan tugas berdasarkan kepada bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta 172. Perincian bidang tugas bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara 2005-2020 (RTD SPU)
2. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2006-2020 (RTD SPT)
3. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan 2009-2020 (RTD SPS)
4. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) agar selari dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah
5. Merancang, membangunkan dan memantau Sistem GIS iaitu GIS Map browser, e-OSC, EIS SPT, dan sebagainya termasuk penyelenggaraan dan pengemaskinian data serta maklumat ke dalam sistem GIS dan yang berkaitan dengannya.
6. Menyedia dan menyelaras dalam membekalkan maklumat serta maklumbalas kajian-kajian perancangan bandar di peringkat negeri dan persekutuan iaitu Pelaporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri, Pelaporan Pemantauan Dasar Perbandaran Negara, Pelaporan NKRA Program Bandar Selamat, dll
7. Memberi khidmat nasihat dan membekalkan maklumat perancangan dan pembangunan kepada agensi-agensi kerajaan, swasta, pelajar-pelajar, orang awam, para perunding dll.
8. Memberi pelaporan berkenaan Sistem Pengukuran dan Penilaian Kemampuan Bandar-Bandar di Malaysia – MURNI net secara online melalui laman web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.





AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2010

1. Ketiga-tiga RTD SPU, SPT dan SPS adalah dalam peringkat Laporan Draf Akhir. Tugas bahagian ini ialah memastikan MPSP mempunyai rancangan tempatan daerah yang diperincikan dan selari dengan dasar Rancangan Struktur Negeri. Laporan kajian ini juga memperincikan cadangan pembangunan sehingga melibatkan lot-lot tanah. (Status kajian adalah seperti di dalam jadual)
2. Semua Permohonan Pelan Kebenaran Merancang yang akan dibentangkan ke mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk keputusan disediakan melalui sistem mesyuarat e-OSC menggunakan aplikasi GIS. Sebanyak 206 pelan kebenaran merancang yang diluluskan sejak Januari hingga Disember 2010 telah dikemaskini ke dalam sistem e-OSC menggunakan perisian ArcGIS dan kerja pendijitan untuk kemasukan maklumat pembangunan telah dilaksanakan.



3. Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) yang disediakan bersama Rancangan Tempatan Daerah telah disemak dan dipinda mengikut kesesuaian penggunaan oleh pihak pengurusan atasan dalam merancang keperluan pembaikan dan peningkatan taraf serta keperluan baru kemudahan infrastruktur, utiliti dan perkhidmatan perbandaran seiring dengan pembangunan yang dijangkakan.
4. Menyelaras semua dasar-dasar kerajaan yang melibatkan rancangan pemajuan, garispanduan perancangan, piawaian perancangan, undang-undang dan sebagainya yang melibatkan perancangan Bandar yang telah dibentangkan kepada ahli majlis dimasukkan ke dalam sistem e-Dasar MPSP
5. Membangunkan Sistem Maklumat Geografi yang boleh dicapai secara `online' melalui laman web <http://spgis.mpsp.gov.my>. Di dalam sistem GIS ini terdapat beberapa pecahan sistem GIS yang telah dibangunkan iaitu GIS Mapbrowser, RT Kepala Batas, RT Butterworth, RT Bukit Mertajam, RT Jawi, Sungai Bakap & Nibong Tebal serta boleh membuat fungsi carian.
6. Bahagian ini juga telah merancang satu pengkalan data spatial (base map) yang boleh dihubungkan dengan sistem pengkalan data dari jabatan-jabatan lain. Walau bagaimanapun projek ini masih belum dapat direalisasikan kerana terdapat 2 kekosongan jawatan pelukis pelan yang telah beralih ke jawatan dan di jabatan yang lain.





7. Memaparkan maklumat gunatanah secara grafik menggunakan konsep “layer” dan dapat melihat perubahan status lot mengikut senario semasa.
8. Membangunkan satu perkongsian data dikalangan jabatan dalaman MPSP. Ini menjimatkan kos pemasangan dan penyokong perkakasan sesebuah perisian.
9. Memastikan pelanggan mendapat layanan yang terbaik semasa berurusan bagi mendapatkan maklumat dan pertanyaan berkenaan dengan perancangan bandar dan zoning pembangunan. Perkhidmatan diberi secara serta-merta dengan surat pengesahan. Sepanjang tahun 2010 seramai 600 pelanggan telah datang ke bahagian ini untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.
10. Mencetak pelan menggunakan sistem GIS MPSP dan mengeluarkan dokumen pengesahan zoning kepada pelanggan berdasarkan RSNPP yang diwartakan. Pada tahun 2010 sebanyak 412 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU = 144, SPT = 160 dan SPS = 108.
11. Menyediakan data-data bagi pelaporan ke dalam sistem MURNInet secara online dan hasil analisis tersebut mendapati MPSP telah dikategorikan sebagai Bandar yang hanya mencapai kadar sederhana mampan dengan markah sebanyak 78.07 %. Terdapat 38 indikator yang dinilai dan daripada jumlah tersebut sebanyak 7 indikator yang kurang mampan dan 7 indikator sederhana mampan.

Indikator kurang mampan tersebut adalah:	Indikator sederhana mampan tersebut adalah:
Kadar kehilangan air	Kadar perbandaran
Kadar pembangunan kawasan cenderung banjir	Indeks kualiti air sungai
Nisbah keluasan tanah lapang awam kepada 1000 penduduk	Nisbah kes penyakit bawaan air dan makanan kepada 10,000 penduduk
Peratus peruntukan kewangan untuk program landskap	Kadar penceraian kepada 1000 isirumah
Peratus kelulusan CFO	Nisbah pegawai dalam kumpulan pengurusan dan iktisas kepada penduduk
Nisbah kes kemalangan jalanraya kepada 10,000 penduduk	Peratus perbelanjaan mengurus berbanding hasil.
Nisbah aliran tunai kepada amolumen	


12. Memproses data dan maklumat pelan kebenaran merancang dan mendijid semula ke dalam sistem GIS kerana pelan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak perunding tidak mengikut 'base plan' berkordinit cassini Penang daripada JUPEM. Sebanyak 45 buah skim telah didijid dan 28 skim telah dimasukkan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan ke dalam pangkalan data GIS. Masih terdapat banyak pelan yang belum selesai diproses kerana kekosongan 2 pelukis pelan yang masih belum diganti.

LAPORAN STATUS PROJEK-PROJEK KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN TAHUN 2010
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

KAJIAN	LUAS (HEK.)	TEMPOH KAJIAN		STATUS	PERUNTUKAN (RM)			PERUNDING	CATATAN
		MULA	SIAP		MPSP	EPU	JUMLAH		
RTD SPU	26,137	2005	2008	LAPORAN DRAF AKHIR	700,000.00	1,500,000.00	2,200,000.00	Perunding Permai Sdn Bhd	Telah dibentangkan ke dalam Mesy JK Perancang Negeri pada Mac 2010
RTD SPT	23,799	2006	2009	LAPORAN DRAF AKHIR	710,000.00	1,419,630.00	2,2129,630.00	Jururancang Gemilang Sdn Bhd	Telah dibentangkan ke dalam Mesy JK Kerja MPSP dan disahkan oleh majlis Penuh pada Nov 2009 dengan pindaan
RTD SPS	24,334	2008	2010	LAPORAN DRAF AKHIR	600,000.00	1,200,000.00	1,800,000.00	RNR PLANNING Sdn Bhd	Laporan Draf Akhir telah diterima pada Julai 2010 dan dalam semakan untuk pindaan
Jumlah	74,270				2,010,000.00	4,119,630.00	6,129,630.00		

JENIS PERKHIDMATAN DI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

Jenis Perkhidmatan	Tugas	Hasil kerja tahun 2010
Sistem Mesyuarat e-OSC	Memasukkan maklumat pelan dan kertas kerja ke sistem Mesyuarat e-OSC. Memastikan sistem boleh dicapai secara 'online' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan kelulusan pelan kebenaran merancang sentiasa dikemaskini	206 pelan Kebenaran merancang yang telah diluluskan telah dikemaskini Maklumat kelulusan perancangan semasa yang dikemaskini boleh dicapai melalui laman web http://spgis.mpsp.gov.my/osc
Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) RTD	Memastikan pembangunan sistem mengikut standard yang telah ditetapkan	EIS RTD SPT telah siap dan sedia untuk kegunaan melalui laman web http://spgis.mpsp.gov.my/eis
Sistem e-Dasar	Garis panduan perancangan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dikemaskini ke dalam sistem untuk rujukan	Sebanyak 30 garispanduan perancangan telah di'upload' ke dalam sistem
Sistem GIS Map Browser	Memastikan sistem boleh dicapai secara 'online' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan perancangan sentiasa dikemaskini	Maklumat perancangan semasa dikemaskini dan system boleh dicapai melalui laman web http://spgis.mpsp.gov.my
Surat Pengesahan Zoning	Membuat carian lot dan zoning melalui sistem GIS dan mengeluarkan surat pengesahan pada masa yang sama	Sebanyak 412 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan Daerah SPU : 144 Daerah SPT : 160 Daerah SPS : 108 dan jumlah pelanggan seramai 600 orang.
Cetakan pelan dan Data Perancangan untuk Jualan dan kegunaan jabatan dalam MPSP	Mencetak pelan mengikut keperluan pemohon seperti yang terkandung di dalam borang cetakan yang disediakan	Sebanyak 264 permohonan pelan daripada pihak swasta dan 8 dari jabatan dalam MPSP telah dicetak dengan kutipan jualan sebanyak RM3975.00 sahaja. Penurunan jualan adalah kerana peralatan cetakan "plotter" telah rosak dan perlu gantian segera
Kemasukan data PKM ke aplikasi GIS bagi proses pengemaskinian	Semua pelan kebenaran merancang dan penamaan skim nama taman, jalan dan sempadan taman yang telah diluluskan didigit menggunakan aplikasi GIS	45 buah skim pembangunan telah didigit dan hanya 28 pelan telah dimasukkan maklumat nama taman, sempadan taman dan nama jalan kerana kekosongan 2 orang pelukis pelan yang masih belum diisi



4.4 UNIT URUSETIA PUSAT SETEMPAT (OSC)

4.4.1 LATAR BELAKANG

Perlaksanaan Unit Urusetia Pusat Setempat (OSC) di Majlis Perbandaran Seberang Perai bermula pada 13 Jun 2007 selaras dengan pelancarannya oleh Y.A.B Perdana Menteri dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan pada 13 April 2007. Objektif utama penubuhan Unit OSC adalah bagi memendekkan norma masa memproses permohonan pemajuan tanah.

Unit OSC, Majlis Perbandaran Seberang Perai ditempatkan di bahagian Kaunter Pusat dengan jumlah kakitangan seramai 12 orang. Peranan dan tugas Unit OSC adalah untuk menyemak dokumen permohonan, menerima permohonan yang lengkap, merekod permohonan, mengedarkan permohonan kepada jabatan yang memproses dan jabatan / agensi teknikal, memantau status permohonan dan melaporkan status permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan setiap bulan melalui Portal OSC.



Selain dari itu khidmat nasihat dari aspek keperluan dokumen dan tatacara mengemukakan permohonan turut diberi kepada juruperunding dan pemohon bagi membantu memastikan permohonan yang akan dikemukakan adalah lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Borang-borang permohonan pemajuan yang dahulunya boleh didapati di kaunter OSC kini boleh di muat turun melalui laman web <http://www.mpsp.gov.my> bagi memudahkan pengguna mendapatkan borang yang terkini.

Bilik rundingan yang terletak bersebelahan dengan kaunter OSC memudahkan proses semakan dan pertanyaan pelanggan



Kaunter OSC ditempatkan di bahagian kaunter pusat di dalam bangunan MPSP, Bandar Perda

4.4.2 PERMOHONAN-PERMOHONAN PEMBANGUNAN YANG DITERIMA

Permohonan-permohonan pelan pembangunan yang diterima melalui Unit OSC melibatkan 5 jabatan memproses iaitu Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) (Rujuk Jadual 1).

JUMLAH PERMOHONAN PELAN-PELAN PEMBANGUNAN YANG DITERIMA DI UNIT OSC MENGIKUT TAHUN DARI 13 JUN 2007 HINGGA 31 DISEMBWER 2010


JADUAL : 1

BIL	JENIS PERMOHONAN	2007	2008	2009	2010	JUMLAH
1.	Permohonan Kebenaran Merancang	48	127	126	172	473
2.	Permohonan Kebenaran Merancang (Tukarguna)	0	0	63	177	240
3.	Permohonan Kebenaran Merancang (Telco))	0	0	0	5	5
4.	Permohonan Kebenaran Merancang (Terhad)	0	0	0	4	4
5.	Permohonan Kebenaran Merancang (Serentak)	14	18	25	38	95
6.	Permohonan Pecah Sempadan	21	33	28	32	114
7.	Permohonan Pecah Sempadan (Serentak)	0	0	0	1	1
8.	Permohonan Serah dan Pemberian milik Semula	28	42	41	43	154
9.	Permohonan Cantuman Tanah	4	7	9	11	31
10.	Permohonan Pelan Lanskap	52	80	62	66	260
11.	Permohonan Pelan Lanskap (Serentak)	0	0	1	1	2
12.	Pelan Kerja Tanah	77	138	129	102	446
13.	Pelan Kerja Tanah (Serentak)	4	8	6	8	26
14.	Pelan Jalan dan Parit	91	266	205	209	771
15.	Pelan Jalan dan Parit (Serentak)	1	4	2	2	9
16.	Pelan Lampu Jalan	42	73	73	63	251
17.	Pelan Lampu Jalan (Serentak)	0	1	0	1	2
18.	Pelan Bangunan	75	173	147	192	587
19.	Pelan Bangunan KB 1	2	57	95	92	246
20.	Pelan Bangunan (Serentak)	13	10	15	18	56
21.	Pelan Konkrit Tetulang	1	0	0	0	1
22.	Pelan Sanitari Dalaman	0	0	0	0	0
23.	Permohonan Penyerahan dan Pemberimilikan Semula (204D KTN) (Serentak)	0	1	3	12	16
24.	Permohonan Pecah Sempadan dan Ubah Syarat Tanah (124 A KTN) (Serentak)	1	2	5	4	12
JUMLAH		474	1040	1035	1253	3802

Jadual 1 menunjukkan data bagi permohonan yang diterima melalui Unit OSC mengikut tahun dari tahun 2007 hingga tahun 2010. Permohonan-permohonan yang diterima melibatkan Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD). Jumlah keseluruhan permohonan yang diterima dari tahun 2007 hingga tahun 2010 adalah sebanyak 3802 permohonan.

CARTA PERBANDINGAN JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA MENGIKUT TAHUN DARI TAHUN 2007 HINGGA TAHUN 2010

CARTA : 1



Carta 1 menunjukkan perbandingan jumlah permohonan yang diterima mengikut tahun dari tahun 2007 hingga 2010. Pada tahun 2007 data yang direkodkan adalah rendah kerana penubuhan Unit OSC adalah pada tarikh 13 Jun 2007. Bagi tahun 2008, keseluruhan permohonan yang direkodkan adalah sebanyak 1040. Tahun 2009 menunjukkan sedikit penurunan namun tidak begitu ketara berbanding tahun 2008.



Bagi tahun 2010 pula terdapat peningkatan sebanyak 218 permohonan berbanding tahun 2009. Perbezaan ini adalah disebabkan berlaku peningkatan yang ketara terhadap Permohonan Kebenaran Merancang, Permohonan Kebenaran Merancang Tukarguna dan Pelan Bangunan. Selain itu terdapat 2 jenis permohonan yang ditambah iaitu Permohonan Kebenaran Merancang Menara Telekomunikasi (Telco) dan Permohonan Kebenaran Merancang untuk tempoh terhad.

4.4.3 STATUS PERMOHONAN DARI TAHUN 2007 HINGGA 2010


Permohonan yang diterima melalui Unit OSC akan direkodkan dan dipantau status dari masa kesemasa. Jadual 6 menunjukkan status permohonan yang telah diterima dari Jun 2007 hingga Disember 2010.

**JADUAL JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT STATUS DARI
BULAN JUN 2007 HINGGA DISEMBER 2010**

JADUAL : 2

JENIS PERMOHONAN YANG DITERIMA	LULUS	TOLAK	BATAL	PERMOHONAN DALAM PERTIMBANGAN	JUMLAH
A. SERENTAK	72	2	25	84	197
B. BERASINGAN	2009	45	898	467	3419
JUMLAH	2018	47	923	551	3616

CARTA : 2



Keseluruhan permohonan pemajuan yang telah diterima melalui Unit Urusetia Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Seberang Perai dari tahun 2007 hingga tahun 2010 berjumlah 3616 permohonan. Dari jumlah tersebut sebanyak 2988 (84%) permohonan telah dibuat keputusan dan baki 551 (16%) sedang dalam proses.

Daripada jumlah 3616, permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak 2018 (57%), 47 (1%) permohonan ditolak dan 923 (26%) permohonan dibatalkan secara pentadbiran. Permohonan yang dibatalkan secara pentadbiran adalah bagi permohonan yang ditarik balik dan permohonan yang gagal mengemukakan tunai syarat serta melebihi tempoh piagam yang telah ditetapkan mengikut jenis permohonan.

4.4.4 MESUARAT JAWATANKUASA OSC

Mesuarat Jawatankuasa OSC diadakan dua kali dalam sebulan. Mesuarat Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang DiPertua Majlis dan 27 ahli-ahli terdiri dari 4 orang Ahli Majlis dan 23 Jabatan / Agensi Teknikal yang telah dilantik.

Selain dari 27 ahli Jawatankuasa OSC tersebut, Ahli Majlis yang telah dilantik sebagai pemerhati pada tahun 2010 adalah seramai 3 orang.

Jawatankuasa OSC bertanggungjawab untuk membuat keputusan terhadap permohonan-permohonan pembangunan tanah dan keputusan tersebut akan dimaklumkan ke Majlis Penuh.

JADUAL BILANGAN MESUARAT JAWATANKUASA OSC DAN BILANGAN KERTAS MESUARAT BAGI PERMOHONAN PELAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN YANG TELAH DIBENTANGKAN MENGIKUT TAHUN

JADUAL : 3

BIL	TAHUN	BILANGAN MESUARAT JAWATANKUASA OSC	BIL. KERTAS MESUARAT YANG DIBENTANGKAN		
			PKM	BGN	JUMLAH
1.	2007	11 (bermula Jun 2007)	68	39	107
2.	2008	22	130	82	212
3.	2009	23	185	82	267
4.	2010	23	244	86	330

Jadual 3 menunjukkan bilangan mesuarat yang telah diadakan dan bilangan permohonan Pelan Kebenaran Merancang serta Pelan Bangunan yang telah dibentangkan dalam Mesuarat Jawatankuasa OSC.

Selain dari keputusan yang dibuat dalam Jawatankuasa OSC, Majlis Penuh telah menurunkan kuasa kepada Yang DiPertua untuk membuat keputusan bagi permohonan Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan, Pelan Kebenaran Merancang Tukar Kegunaan, Pelan Lanskap, Pelan Pecah Sempadan, Pelan Cantuman dan Pelan Penyerahan dan Pemberian milikan semula akan disyorkan untuk kelulusan dan akan dibawa oleh Pentadbir Tanah Daerah ke Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri untuk pertimbangan.

4.4.5 PELAKSANAAN OSC ONLINE

OSC Online merupakan salah satu inisiatif baru yang telah dilancarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mewujudkan satu sistem untuk mengemukakan permohonan pembangunan tanah secara online.

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah ditawarkan untuk menyertai pelaksanaan OSC Online dalam fasa ketiga. Persetujuan untuk menerima pelaksanaan OSC Online telah dibuat melalui Aku Janji yang telah ditandatangani oleh Tuan YDP bertarikh 19 Mei 2010. Lanjutan dari pada itu satu unit server telah dipasang di MPSP pada 29 September 2010.

Beberapa siri 'Teach In OSC Online' telah dijalankan oleh KPKT melalui perunding Yes-Enviro bagi melatih kakitangan OSC, Jabatan dalaman MPSP dan Jabatan Teknikal Luaran.

BORANG AKU JANJI PELAKSANAAN OSC ONLINE

Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Paras 5, Blok K, Pusat Bandar Damansara,
50644 KUALA LUMPUR.

Y.Bhg. Dato'

AKU JANJI MENGGUNA PAKAI PROSEDUR OSC DAN MELAKSANA OSC ONLINE

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat (74)JKT.ICT.100-2 bertarikh 06 Mei 2010.

2. Dengan ini, **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

menerima tawaran pelaksanaan OSC Online dan berjanji menggunakan pakai sistem tersebut dengan sebaik-baik berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian.

tidak menerima tawaran pelaksanaan OSC Online.

Sekian, terima kasih.

"**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**"
"**1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN**"

Saya yang menurut perintah,

(Signature)

Yang DiPertua

Tarikh : 19/05/2010

Cop Rasmii : MOHTAR BIN MOHD. JAIT
Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai

* tanda ✓ mana yang tidak berkenaan

JADUAL PELAKSANAAN LATIHAN OSC ONLINE TAHUN 2010

Jadual 4

BIL	TARIKH	PERKARA	TEMPAT	CATATAN
1.	29.9.2010	Trial Run OSC Online MPSP Melalui Hands On Training	Auditorium, Majlis Perbandaran Seberang Perai	Dihadiri oleh Unit OSC, Jabatan Teknikal Dalaman, Luaran dan PSP
2.	14.10.2010	Kursus Pemahaman OSC Online Siri 1 (Zon Utara)	Hotel Star City, Alor Star	Dihadiri oleh Unit OSC, Jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran
3.	26.10.2010	Trial Run OSC Online Melalui Hands On Training	Bilik Latihan Komputer, Majlis Perbandaran Seberang Perai	Dihadiri oleh Unit OSC, Jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran
4.	20.12.2010	Bengkel Pemantapan OSC Online Melalui Hands On Training	Tanjung Bungah Beach Hotel, Pulau Pinang	Dihadiri oleh Unit OSC, Jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran
5.	21.12.2010	Roadshow Pemantapan Pemahaman Pelaksanaan Inisiatif Baru, Khususnya OSC Dan CCC Serta OSC Online – Siri 11/2010	Tanjung Bungah Beach Hotel, Pulau Pinang	Dihadiri oleh Unit OSC, Jabatan Teknikal Dalaman, Luaran dan PSP

Sistem OSC Online dijangka dapat memudahkan pengemukaan permohonan oleh juru perunding dan pemantauan permohonan yang lebih berkesan. Sistem ini dijadualkan beroperasi pada penghujung tahun 2011.



4.5 Unit Bandar Selamat

- Mengumpul maklumat kawasan-kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi
- Merekod dan membuat kajian tentang kawasan-kawasan “Hotspots”
- Merancang dan mendapatkan peruntukan untuk melaksanakan Program Bandar Selamat dari Kerajaan Persekutuan
- Melaksanakan 15 langkah-langkah Bandar Selamat seperti berikut :

STRATEGI 1 : Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal.

Langkah 1 – **Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor**

Langkah 2 – Pelaksanaan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat

Langkah 3 – Pemetaan GIS jenayah dan program bandar selamat

STRATEGI 2 : Memperkasakan Kawasan Sasaran.

Langkah 4 – Penyediaan balai polis tetap atau bergerak

Langkah 5 – **Penyediaan cermin keselamatan**

Langkah 6 – Penyediaan papan tanda peringatan jenayah

Langkah 7 – **Penyediaan penggera keselamatan**

Langkah 8 – Penyediaan tempat motosikal berkunci

Langkah 9 – **Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan tempat awam**

Langkah 10 – **Pencahayaan**

Langkah 11 - **Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam**

Langkah 12 - Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah dengan jenayah

STRATEGI 3 : Pengurusan, Penyertaan Komuniti Dan Kesedaran Awam.

Langkah 13 - Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti

Langkah 14 - Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan

Langkah 15 - Agenda Tetap dan Mesyuarat Majlis Penuh PBT

Catitan : Tulisan yang digelapkan dilaksanakan di MPSP

Laporan Statistik Program Bandar Selamat Tahun 2010

Kawasanm Hotspots	Jumlah Peruntukan	Kerja Tambahan	Proses Kerja
Jalan Raja Uda (Pakej A)	RM 361,200.00	RM 41,700.00	100%
Jalan Raja Uda (Pakej B)	RM 355,100.00	RM 69,870.00	100%
Mak Mandin	RM 386,950.00	RM 76,760.00	100%
Bandar Perda	RM 193,580.00	RM 45,848.00	100%
Jalan Rozhan	RM 193,580.00	RM 36,624.00	100%
Sg. Bakap	RM 216,200.00	-	95%
Jumlah	RM 1,929,130.00	RM 270,802.00	RM 2,199,932.00

4.6 Unit Pentadbiran

- Menyelenggara fail-fail permohonan dan fail am
- Merekod dan mengedar surat-menyurat
- Menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan keputusan permohonan
- Menyediakan dan mengawalselia inventori pejabat
- Menyemak dan mengumpul data kutipan hasil bayaran Proses Pelan
- Lain-lain tugas yang berkaitan dengan urusan kakitangan

Antara aktiviti yang telah dijalankan :-

MENYEMAK DAN MEREKOD HASIL BAYARAN PROSES PELAN

Bayaran proses pelan merupakan punca utama pendapatan Jabatan Perancang Bandar. Dari tahun 2008 hingga 2010 jabatan telah berjaya memperolehi pendapatan hasil dari bayaran proses pelan iaitu sebanyak RM 2.45 juta. *Rujuk Jadual 4.*

BAYARAN PROSES PELAN DARI TAHUN 2008 - 2010

JADUAL : 4

TAHUN	BAYARAN PROSES PELAN(RM)
2008	588,271.43
2009	737,473.18
2010	1,123,462.88
JUMLAH	2,449,207.49

1. Pendahuluan

Jabatan Bangunan bertanggungjawab melaksanakan Undang-Undang Kawalan Pembinaan Bangunan di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan memastikan pembangunan dibina mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Akta, Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986.

Selain daripada itu Jabatan juga menggunakan dasar dan polisi yang telah digariskan oleh kementerian berkaitan dan juga Kerajaan Negeri.

2. Struktur Organisasi Jabatan Dibahagikan Kepada Berikut :-

- i) Bahagian Pentadbiran
 - Unit Pentadbiran
 - Unit Pemantauan dan Pelaksanaan
- ii) Bahagian Kawalan Bangunan
 - Unit Seberang Perai Utara
 - Unit Seberang Perai Tengah
 - Unit Seberang Perai Selatan.

3. Fungsi Jabatan.

3.1 Kelulusan Pelan Bangunan

Majlis telah meluluskan Pelan Bangunan sebanyak 6047 unit untuk skim perumahan, rumah individu, komersial, pejabat termasuk bangunan-bangunan kerajaan seperti sekolah dan institusi pengajian tinggi.


Permohonan yang diluluskan bagi tahun 2010.

Bil	Kategori Bangunan	Bil. Unit Diluluskan
1.	Rancangan Perumahan	5599
2.	Komersial	21
3.	Rumah Individu	380
4.	Kilang / Pejabat / Bengkel	47
5.	Lain-Lain Bangunan	301
6.	Jumlah	6047

Unit-Unit Bangunan Yang Diluluskan Pelan Bagi Tahun 2008, 2009 dan 2010

Bil	Kategori	Tahun		
		2008	2009	2010
1.	Rancangan Perumahan	7519	3304	5599
2.	Komersial	108	75	21
3.	Rumah Individu	229	221	380
4.	Kilang / Pejabat / Bengkel	30	232	47
5.	Lain-Lain Bangunan	47	262	301
6.	Jumlah	7933	4094	6047

Peningkatan yang ketara dapat dilihat pada unit bangunan bagi kawasan perumahan, rumah individu dan lain-lain bangunan.



3.2 Pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki.

Sebanyak 3978 Unit Bangunan Baru telah dikeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki untuk tahun 2010 berbanding sebanyak 6354 pada tahun 2009.

Penurunan Pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki bagi tahun 2010 adalah kerana Jabatan telah menggunakan kaedah CCC (Certificate Of Completion And Compliance) mulai Julai 2010.

JENIS RUMAH	SPU	SPT	SPS
Rumah Kediaman	159	26	15
Teres	1185	402	435
Rumah Pangsa/Pangsapuri/Kondo	477	525	0
Sesebuah/Banglo	6	6	12
Berkembar	48	224	144
Kedai/Pejabat	161	54	99
Rumah Berasingan	0	0	3
Rumah Klaster	0	0	0
Town House	0	0	0
Jumlah	2036	1237	705

3.3 Pendapatan Jabatan mengikut Jenis 2010

Bil	Kategori	Tahun		
		2008	2009	2010
1.	Bayaran Pelan	2,774,503.88	2,487,753.60	3,205,486.90
2.	Denda	2,331.00	24,309.60	1,965.00
3.	Buku Panduan	49,658.90	138,762.15	113,785.00
4.	Pelbagai Hal	43,332.10	24,489.05	35,282.60
5.	Pelbagai Jualan	1,135.00	440.00	105.00
6.	Cagaran	776,882.50	905,750.00	830,300.00
7.	Kanopi	-	19,347.50	31,357.00

4. Program Transformasi MPSP

Jabatan Bangunan juga merupakan salah satu Jabatan yang terlibat secara langsung dalam Program Transformasi MPSP yang telah dilancarkan pada Julai 2010.

4.1 Proses Trasformasi Jabatan Bangunan

- 4.1.1 Proses kelulusan Pelan Tambahan dan Pindaan Kecil rumah kediaman di taman perumahan (Buku Panduan).
- 4.1.2 Proses kelulusan pelan pindaan dan tambahan rumah kediaman
- 4.1.3 Proses kelulusan pelan bagunan rumah kediaman (3 unit kebawah)

4.2 Pencapaian Pelaksanaan BPR Trasformasi bagi tempoh Julai hingga Disember 2010.

Bil	Aktiviti	Tempoh Permohonan Diluluskan	Bil Diterima	Bil Kes Capai Sasaran
1.	Proses kelulusan pelan tambahan dan pindaan kecil rumah kediaman di taman perumahan (Buku Panduan)	Hari yang sama permohonan	198	198
2.	Proses kelulusan pelan pindaan dan tambahan rumah kediaman	Hari yang sama permohonan	102	102
3.	Proses kelulusan pelan bangunan rumah kediaman 3 unit kebawah.	3 hari	14	14

5. Pencapaian Tahunan Jabatan

Jabatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada seluruh warga seberang selaras dengan misi MPSP iaitu menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai. Jabatan akan bersama-sama membantu MPSP dalam menjalankan tanggungjawab dan memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada warga seberang.

PENGENALAN

Jabatan Kejuruteraan merupakan satu daripada Jabatan yang penting dalam organisasi Majlis Perbandaran Seberang Perai. Bertanggungjawab dalam penyediaan perkhidmatan dan kemudahan awam bagi memastikan pencapaian pembangunan terus dinikmati oleh warga Seberang Perai.

Jabatan Kejuruteraan berperanan memberi semua perkhidmatan berhubung dengan pelaksanaan projek merangkumi perkhidmatan perundingan, perkhidmatan pengurusan projek dan perkhidmatan pengurusan penyenggaraan dalaman MPSP



PERANAN / FUNGSI / OBJEKTIF JABATAN

Pembinaan bangunan-bangunan untuk kemudahan awam seperti Kompleks Sukan, Dewan orang ramai, Pasar Awam, Kompleks Penjaja dan lain-lain kemudahan awam

Menaik taraf parit, parit tanah dan pembinaan parit-parit

Penyelenggaraan jalan-jalan taman perumahan dalam kawasan Metropolitan Butterworth dan Bukit Mertajam

Menyediakan kemudahan lampu-lampu jalan, lampu-lampu isyarat, pondok-pondok bas dan papan tanda nama jalan

Pembelian kenderaan dan alat-alat mesin kejuruteraan untuk pengurusan Jabatan-Jabatan di dalam Majlis

Penyelenggaraan dan operasi rumah-rumah pam

Memperoses dan menimbaangkan permohonan pelan-pelan kerja tanah, lampu jalan dan papan iklan

Kawalan dan penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti kerja tanah

PIAGAM PELANGGAN

Lampu jalan, lampu hiasan dan lampu isyarat disiasat dalam tempoh 4 hari daripada tarikh aduan diterima

Memastikan kerja-jalan dan taman yang berlubang dilaksanakan dalam tempoh 3 hari selepas aduan kerja menampal diterima

Bahagian Infrastruktur

Antara aktiviti yang dijalankan

- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan di kawasan taman perumahan
- Menyelaras aduan awam melalui e-Aduan dan system Pantas
- Memperoses dan meluluskan kerja-kerja pengorekan jalan yang dikemukakan oleh JBA, TNB, Telekom, Pemaju dan sebagainya.
- Membina bump dan mengecat garisan zebra
- Menyelenggara Tempat Letak Kereta
- Memperoses, meluluskan dan penguatkuasaan Billboard

PIAGAM PELANGGAN

Lampu jalan, lampu hiasan dan lampu isyarat disiasat dalam tempoh 4 hari daripada tarikh aduan diterima

Memastikan kerja-jalan dan taman yang berlubang dilaksanakan dalam tempoh 3 hari selepas aduan kerja menampal diterima

Bahagian Infrastruktur

Antara aktiviti yang dijalankan

- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan di kawasan taman perumahan
- Menyelaras aduan awam melalui e-Aduan dan system Pantas
- Memperoses dan meluluskan kerja-kerja pengorekan jalan yang dikemukakan oleh JBA, TNB, Telekom, Pemaju dan sebagainya.
- Membina bump dan mengecat garisan zebra
- Menyelenggara Tempat Letak Kereta
- Memperoses, meluluskan dan penguatkuasaan Billboard

BIL	AKTIVITI UTAMA	PENCAPAIAN
1.	Penyelenggaraan Jalan	Peruntukan 2009 = RM11,335,903.00 Belanja = RM 7,823,348.08 Peratus Perbelanjaan= 69 %
2.	Mengecat Tempat Letak Kereta Mengecat Tempat Letak Motosikal Dan Mengecat Papan Tanda	10,000 110
3.	Billboard	RM 656,826.00

Unit ulasan pelan

Antara aktiviti yang telah dijalankan:-

- Memastikan semua permohonan kelulusan pelan infrastruktur yang dikemukakan oleh Jurutera Perunding dibuat keputusan dalam tempoh 50 hari bekerja tertakluk permohonan lengkap dari bahagian PusatSetempat (OSC)
- Memastikan surat pengesahan bagi sokongan (OC) dikeluarkan dalam tempoh 42 hari
- Memastikan ulasan kebenaran merancang dikeluarkan dalam tempoh 40 hari

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1	Kelulusan Pelan Jalan dan Parit	Lulus < 50 = 244
2	Sijil Layak Menduduki Pelan Jalan dan Parit	< 42 hari = 146
3	Kelulusan Pelan Lampu Jalan	< 50 hari = 69
4	Sijil layak Menduduki Pelan Lampu Jalan	< 42 hari = 63
5	Ulasan Kebenaran Merancang	< 40 hari = 350
6.	Pelan Bangunan	305

- Sebanyak 244 permohonan kelulusan Pelan Jalan dan Parit telah diterima dan mendapat kelulusan
- Sijil Layak Menduduki (OC) permohonan yang diterima adalah 146. Daripada permohonan tersebut mendapat Sijil Layak menduduki untuk Pelan Jalan dan Parit dalam tempoh 42 hari. Sebanyak 0 permohonan dikembalikan kerana gagal tunai syarat.
- Permohonan ulasan kebenaran merancang yang diterima berjumlah 350 dan mendapat kelulusan 100% dalam masa yang ditetapkan.

Unit Kerja Tanah

Antara aktiviti yang dijalankan:-

- Memastikan semua permohonan kelulusan pelan kerja tanah dikemukakan oleh Jurutera Perunding
- Meluluskan Pelan Kerja Tanah dalam tempoh 50 hari setelah semua syarat ditunaikan.

	Tahun 2008	Tahun 2009
Bil. Lulus	82	79
Bil Batal	22	66
Kutipan Hasil	RM 1,747,247.01	RM 201,490.08

Berdasarkan hasil kutipan bayaran pelan menurun sebanyak 86 % adalah disebabkan permohonan yang telah dibatalkan pada tahun 2008 dan masuk semula permohonan kerja tanah dan tidak dikenakan bayaran pelan.

Bahagian Fasiliti

Antara aktiviti yang dijalankan:-

- Memperoses permohonan, melulus dan menyelenggara Lampu Jalan
- Penyelenggaraan elektrik
- Penyelenggaraan bangunan Majlis
- Melaksanakan dan menyelenggara projek-projek Majlis
- Penyelenggaraan Pasar Awam, Gerai makanan, Pondok Bas, Kompleks sukan, Rumah Pam dan Tandas Awam

Unit Pengangkutan

Antara aktiviti yang dijalankan:-

- Memastikan kenderaan diservis dalam tempoh 40 hari selepas menerima arahan kerja.
- Memastikan pemberian kerosakan dijalankan seperti berikut:-
- Kerosakan kecil – dibawah 14 hari selepas menerima arahan kerja
- Kerosakan besar – tidak melebihi 60 hari selepas menerima arahan kerja
- Pembelian kenderaan

Kenderaan

Jenis Badan	Jumlah
Bas	2
Kereta	10
Forklift	3
Jip	25
Lori	105
Motosikal	8
Pickup	18
Ravo	0
Traktor	12
Van	28
Sky Horse	2
JUMLAH	213

Kenderaan Majlis 2009

TAHUN		BIL KENDERAAN
Tahun 1978	Berusia 32 Tahun	1
Tahun 1982	Berusia 28 Tahun	1
Tahun 1986	Berusia 24 Tahun	2
Tahun 1987	Berusia 23 Tahun	3
Tahun 1988	Berusia 22 Tahun	1
Tahun 1990	Berusia 20 Tahun	1
Tahun 1991	Berusia 19 Tahun	6
Tahun 1992	Berusia 18 Tahun	16
Tahun 1993	Berusia 17 Tahun	3
Tahun 1994	Berusia 16 Tahun	9
Tahun 1995	Berusia 15 Tahun	16
Tahun 1996	Berusia 14 Tahun	16
Tahun 1997	Berusia 13 Tahun	13
Tahun 1998	Berusia 112 Tahun	9
Tahun 1999	Berusia 11 Tahun	6
Tahun 2000	Berusia 10 Tahun	2
Tahun 2001	Berusia 9 Tahun	36
Tahun 2002	Berusia 8 Tahun	10
Tahun 2003	Berusia 7 Tahun	7
Tahun 2004	Berusia 6 Tahun	12
Tahun 2005	Berusia 5 Tahun	11
Tahun 2006	Berusia 4 Tahun	9
Tahun 2010	Berusia 1 Tahun	21
	JUMLAH	211

Kenderaan yang dilupuskan

Bil	Jenis Kenderaan	Jumlah
1	Ravo	3
2	Van	1

Sekilas Pandang

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran ditubuhkan mulai 15/10/2009 berikutan penstrukturkan semula MPSP. Kewujudannya adalah hasil gabungan atau cantuman beberapa fungsi-fungsi dari jabatan-jabatan yang berbeza namun mempunyai bidang tugas yang saling berkait rapat, seperti berikut :

- Pembersihan Am, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
- Pelupusan Sampah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
- Penyelenggaraan Taman dan Rekreasi, Jabatan Perancang Bandar
- Penyelenggaraan Parit dan Longkang, Jabatan Kejuruteraan

Penyatuan ini bertujuan untuk memantapkan perkhidmatan MPSP kepada pelanggan disamping mewujudkan satu kaedah yang boleh mempercepatkan proses penyelesaian atau mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkhidmatan MPSP kepada pelanggan berkaitan pembersihan dan pengindahan.

Fungsi dan Peranan

- Mewujudkan persekitaran dan kejiraninan yang bersih dan selesa di Seberang Perai.
- Mengawal selia dan menjalankan aktiviti-aktiviti pengindahan persekitaran Seberang Perai melalui penyelenggaraan landskap dengan wawasan untuk mewujudkan Seberang Perai yang indah, selesa dan harmoni
- Melipatgandakan usaha pengawalan, pengurusan dan penyeliaan yang lebih efektif ke atas tapak pelupusan dan pemindahan sampah disamping pengamalan kaedah-kaedah yang positif dengan impak negatif paling minima
- Menggalakan penglibatan komuniti dengan aktiviti pengasingan di punca melalui peningkatan kesedaran masyarakat terhadap program kitar semula serta
- Menguatkuasakan undang-undang kecil dan mendidik orang ramai menjaga kebersihan disamping pemuliharaan keindahan alam sekitar.





Sehingga bulan Disember 2010 sebanyak 686 perjawatan di jabatan perkhidmatan perbandaran telah diisi. Daripada jumlah ini sebanyak 616 pengisian yang dibuat daripada kalangan kumpulan sokongan 2 yang merupakan nadi utama Perkhidmatan Perbandaran. Tumpuan tenaga kerja ini meliputi perkhidmatan pembersihan termasuk operasi kutipan sampah dari rumah ke rumah dan di tong-tong sampah yang disediakan, perkhidmatan pengindahan dan landskap termasuk kerja-kerja cantasan, penebangan dan pembersihan pokok.

JUMLAH ANGGOTA JABATAN KESELURUHAN

Kumpulan	Jumlah	Diisi	Kosong
Pengurusan & Profesional	5	3	2
Sokongan 1	93	67	26
Sokongan 2	630	616	14
JUMLAH	728	686	42

Jumlah Agihan Kenderaan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
Mengikut Tempat Operasi Bagi Tahun 2010

KENDERAAN	PEJ	P41	P42	P43	P44	P45	P46	P47	U	T	S	TPJ	JUM
PAJERO	2												2
LORI KOMPAK		4	2	3	1	3	3	3					19
LORI TERBUKA		2	1	4	2	5	3	3			1		21
BACK HOE		1		1							1		3
TRAKTOR		1							3		1		5
RO RO			1	4	1	2							8
KREN					1	1		1	1	1	1		6
PICK UP						1			3	1			5
LORI KITAR SEMULA											2		2
VAN										1			1
SKYLIFT									2	2	1		5
LORI TIPPER					1				1		1		3
LORI PEKERJA									3	2	1		6
MINI TRUCK									1				1
CARGO											1		1
EXCAVATOR											1		1
LORI AIR									2	1	1		4
JUMLAH	2	8	4	12	6	12	6	7	13	9	8	6	93

Pejabat-Pejabat Operasi Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

Bil.	Cawangan / Lokasi	Anggota Sokongan 2
1	Cawangan P41 Taman Bertam Kepala Batas SPU	54
2	Cawangan P42 Taman Sena Indah Tasek Gelugor SPU	38
3	Cawangan P43 Taman Segemal Raja Uda Butterworth SPU	76
4	Cawangan P44 Taman Tun Hussain Onn Seberang Jaya	63
5	Cawangan P45 Jalan Berapit Berapit Bukit Mertajam SPT	81
6	Cawangan P46 Taman Desa Damai Bukit Mertajam SPT	41
7	Cawangan P47 Taman Nibong Tebal	60
8	Cawangan Utara Jalan Permatang Tengah, Butterworth SPU	66
9	Cawangan Tengah Taman Makok Bukit Mertajam SPT	45
10	Cawangan Selatan Taman Bejaya Nibong Tebal	36
11	Tapak Pelupusan Ampang Jajar, SPT	9

Pengindahan

Pada tahun 2010 sebanyak 23,873 pokok telah ditanam oleh MPSP. Tumpuan diberikan kepada jenis-jenis pokok teduhan dan pokok renek di kawasan perumahan. Tahun 2010 menunjukkan peningkatan jumlah pokok ditanam sebanyak 60% berbanding tahun lalu. Peningkatan ini berikutan kempen penanaman pokok dan program “cleaner greener penang” yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri.

Aktiviti pemangkasan pokok yang merupakan sebahagian daripada aktiviti utama Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

Jumlah Pokok Ditanam Mengikut Tahun 2008, 2009 dan 2010	
Tahun	Bilangan Pokok
2008	7440
2009	2984
2010	23873
Jumlah	34297

Jumlah Pokok Dipangkas Mengikut Daerah Bagi Tahun 2010			
Bulan	Daerah		
	SPU	SPT	SPS
Januari	7	25	10
Febuari	67	39	24
Mac	56	48	32
April	68	58	37
Mei	42	72	41
Jun	20	56	35
Julai	43	36	46
Ogos	39	47	37
September	56	44	23
Oktober	31	53	37
November	49	60	57
Disember	24	54	68
Jumlah	502	592	447
Jum. Besar	1541		

terus di beri tumpuan. Pangkas pokok secara berjadual dijalankan dengan menilai keadaan dan kesan semasa pokok kepada keselamatan dan infrastruktur awam. Selain itu aduan dan maklumbalas daripada orang ramai juga menjadi sumber maklumat utama dalam meningkatkan mutu perkhidmatan perbandaran di Seberang Perai. Pada tahun 2010 sebanyak 1541 pokok telah dipangkas dan dibersihkan. Daripada jumlah itu sebanyak 38% pokok telah dipangkas di SPT berbanding SPU dan SPS yang masing-masing sebanyak 23% dan 29%. Jumlah tertinggi di SPT berikutan daerah ini mempunyai kepadatan penduduk paling tinggi berbanding daerah lain.



Kekerapan Aktiviti Dan Kos Penyewaan Hiasan Pokok Bunga Berpasu Mengikut Bulan Bagi Tahun 2010						
		Sewaan		Percuma		
Bulan	Aktiviti	Bilangan	Kos(RM)	Bilangan	Kos (RM)	
Januari	10	9	1820	1	300	
Februari	17	14	3350	3	450	
Mac	20	14	4080	6	900	
April	17	14	3410	3	450	
Mei	20	14	3050	6	900	
Jun	14	13	2500	1	150	
Julai	17	8	1700	9	1350	
Ogos	21	18	3850	3	450	
September	14	9	2480	5	750	
Oktober	17	16	3850	1	150	
November	22	21	4460	1	150	
Disember	20	12	2300	8	1200	
JUMLAH	209	162	36850	47	7200	

diadakan di ibu pejabat MPSP Bandar Perda. Program yang julungkali diadakan ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung dan akan diteruskan pada masa hadapan. Antara pokok-pokok yang mendapat sambutan ramai ialah cordiline, ixora, pinang puteri, ati-ati, dan pandanus pygneucus.

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran juga menyediakan perkhidmatan hiasan pokok bunga berpasu untuk majlis-majlis keraian dan keramaian. Sepanjang tahun 2010 sebanyak 209 aktiviti telah diberi perkhidmatan oleh MPSP dari aspek keceriaan dan keindahan. Ianya meliputi aktiviti-aktiviti rasmi anjuran agensi-agensi kerajaan, ngo dan pihak swasta. Daripada jumlah itu sebanyak 47 aktiviti anjuran agensi kerajaan telah diberi perkhidmatan keceriaan dan pengindahan dengan percuma dan sebanyak 162 aktiviti anjuran pertubuhan NGO dan swasta.

Bersempena sambutan Hari Lanskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang dan sambutan Hari Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai pada tahun 2010, Jabatan telah menjalankan aktiviti jualan pokok-pokok bunga pada harga istimewa yang telah



Pembersihan Dan Pelupusan Sampah


Berat sampah yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung bagi tahun 2010 melihatkan penurunan berbanding 5 tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kitar semula, pengasingan sampah sisa binaan serta sisa kebun yang dilupuskan sendiri oleh MPSP di Tapak Pelupusan Ampang Jajar.

Jumlah sampah yang dihantar terus ke Tapak Pelupusan Pulau Burung melebihi sampah yang melalui Stesen Pemindahan Ampang Jajar. Ini berikutan sisa dari kawasan perindustrian serta kontraktor persendirian dihantar terus ke Tapak Pelupusan Pulau Burung tanpa melalui Stesyen Timbang Ampang Jajar. Secara keseluruhannya jumlah sampah yang dilupuskan di Seberang Perai adalah semakin berkurangan berbanding 5 tahun yang lalu.

Berat Sampah Yang Dilupuskan Di Tapak Pelupusan Pulau Burung (Tan) Bagi Tahun 2006 hingga 2010	
Tahun	Tan Metrik
2006	463749
2007	490729
2008	472005
2009	428563
2010	426152

Pecahan Berat Sampah Yang Dilupuskan Di Tapak Pelupusan Pulau Burung dan Ampang Jajar (Tan Matrik) Bagi Tahun 2006 hingga 2010			
Tahun	TPPB	TPAJ	JUMLAH
2006	305467	158282	463749
2007	323945	166754	490699
2008	307393	164612	472005
2009	262176	166387	428563
2010	266272	159880	426152

* TPAJ – Tapak Pelupusan Ampang Jajar
 TPPB – Tapak Pelupusan Pulau Burung



Sampah Yang Dilupuskan Mengikut Pecahan Domestik Dan Industri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010			
Tahun	Domestik	Industri	Jumlah
2006	204007	259742	463749
2007	212760	277939	490699
2008	203045	268960	472005
2009	207629	220933	428562
2010	199433	226719	426152

Pecahan sampah mengikut kategori domestik dan sisa industri bagi tahun 2010 masing-masing adalah sebanyak 199433 tan dan 226719 tan. Ini menunjukkan sampah dari kawasan perindustrian telah menyumbangkan 6% lebih berbanding sampah domestik. Peningkatan ini dipengaruhi oleh sisa industri dalam bentuk semi pepejal yang dilupuskan oleh pengusaha-pengusaha industri.

Kadar Kitar Semula bagi tahun 2010 mempunyai nilai terendah pada bulan Januari iaitu 19.53 % dan nilai tertinggi dicatitkan pada bulan Februari iaitu 25.12 %. Namun begitu perbezaan ini tidak begitu ketara antara bulan-bulan berikutnya. Kadar terkumpul adalah 23.35 %.

Berat Sampah Sebulan Yang Dilupuskan Di Tapak Pelupusan MPSP Mengikut Jenis Sampah dan Di Pusat Kitar Semula Sepanjang Tahun 2010					
BULAN	BERAT SAMPAH (Tan metrik)				JUMLAH
	AMPANG JAJAR	PULAU BURUNG		BERAT KITAR SEMULA	
JANUARI	13,451.62	3,014.62	17,676.53	8,284.93	42,427.70
FEBRUARI	12,775.01	2,977.28	14,320.58	10,089.95	40,162.82
MAC	13,039.87	3,297.00	20,739.18	11,765.35	48,841.42
APRIL	13,940.47	3,138.35	23,262.69	10,675.39	50,006.49
MEI	11,510.39	3,096.81	21,976.56	11,851.18	48,434.94
JUN	13,599.69	3,265.15	21,698.01	12,389.84	50,952.69
JULAI	14,623	3,350.09	19,720.58	12,494.18	50,187.88
OGOS	14,925.43	3,411.26	19,358.72	10,909.75	48,835.18
SEPTEMBER	13,078.88	3,195.29	17,235.11	10,064.16	43,573.44
OKTOBER	14,084.31	3,396.80	17,282.86	11,379	46,142.86
NOVEMBER	12,180.76	3,381.79	15,349.15	9,859	40,770.81
DISEMBER	13,450.92	3,248.39	18,879.48	10,042	45,620.50
JUMLAH	160,660.38	38,772.83	227,499.45	129,804.44	555,956.73

Kadar Kitar Semula Di Seberang Perai Bagi Tahun 2006 hingga 2010			
Tahun	Sampah dilupus setahun (Tan metrik)	Sampah Dikitar Semula (Tan Metrik)	Kadar Kitar Semula
2006	463,750	119,964	20.05%
2007	490,729	125,504	20.32%
2008	472,005	124,121	20.82%
2009	428,563	132,039	23.55%
2010	426,152.29	129,804.44	23.35%

Terdapat peningkat Kadar Kitar Semula Di Seberang Perai sejak ianya mula dilancarkan pada tahun 2001. Pada tahun 2010, Kadar Kitar Semula di Seberang Perai berada pada 23.35 %. Peningkatan ini disebabkan oleh usaha-usaha berterusan MPSP untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan mengitar semula barang.


Jabatan Perkhidmatan perbandaran terus menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti Pulau Pinang Bersih dan Hijau yang melibatkan segenap lapisan masyarakat.

Sebanyak 724 aktiviti dan program berkaitan pembersihan dan penghijauan telah dijalankan bersama masyarakat dan warga seberang dengan penekanan dan pendekatan melalui aktiviti kitar semula disamping insentif yang menarik ditawarkan kepada penggiat-penggiat kitar semula. Aktiviti pendidikan dan penerangan yang berterusan pasti akan membawa kepada **Program Dan Aktiviti Penang Bersih Dan Hijau Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2010**

